

Pendedahan teknologi 'remote sensing'

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR

ailleenkucheen@yahoo.com

KOTA KINABALU: Pendedahan berterusan perlu untuk menyedarkan penduduk di negeri ini mengenai kepentingan dan kelebihan teknologi 'remote sensing', kata Menteri Pembangunan Sumber dan Teknologi Maklumat Negeri Datuk Dr Yee Moh Chai.

Beliau berkata teknologi yang diperkenalkan di negara ini sejak 1980an penting untuk peningkatan dalam bidang pertanian, alam sekitar, keselamatan dan sektor pembangunan tanah.

Dr Yee berkata, faedah teknologi 'remote sensing' seharusnya dioptimumkan agar impaknya kepada pengguna dan rakyat dapat dicapai, sekali gus memberi kesan positif kepada pembangunan negara.

"Rakyat harus didedahkan kepada pakej-pakej aplikasi 'remote sensing' dan teknologi berkaitan agar mendapat inspirasi baru dan meningkatkan kesedaran mengenai teknologi ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Seminar Kesedaran Pengguna Teknologi Remote Sensing dan Teknologi Berkaitan, di sini, kelmarin.

Mengenai seminar itu, katanya, ia mampu menjadi medium kepada pendedahan teknologi itu selain mendapatkan maklumbalas mengenai pembangunan dan operasi teknologi tersebut di negara ini.

Katanya, seminar anjuran bersama Agensi Remote Sensing Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi Negeri, Jabatan Ketua Menteri bertujuan membuka peluang kepada peserta untuk lebih memahami teknologi 'remote sensing'.

Terdapat tiga kertas kerja yang dibentangkan iaitu 'Teknologi Terkini - Remote Sensing dan Teknologi Berkaitan' dan 'Teknologi Remote Sensing & Integrated Geospatial Database and Planning System' oleh Azlikamil Napiah dan 'Perkhidmatan Data Remote Sensing' oleh Nik Mazlina Nik Mustafa.

Sementara itu, Ketua Pengarah Agensi Remote Sensing Malaysia Datuk Darus Ahmad berkata Jabatan Perhutanan Negeri merupakan jabatan kerajaan negeri yang menggunakan teknologi 'remote sensing' sepenuhnya untuk menguruskan sumber perhutanan di Sabah.

"Teknologi ini digunakan untuk memantau aktiviti pembalakan dan

"Rakyat harus didedahkan kepada pakej-pakej aplikasi remote sensing dan teknologi berkaitan agar mendapat inspirasi baru dan meningkatkan kesedaran mengenai teknologi ini."

DATUK DR YEE MOH CHAI

Menteri Pembangunan Sumber dan Teknologi Maklumat Negeri



Yee (depan) meninjau pameran remote sensing ditemani Darus (kanan), Pengarah Unit Perancang Negeri Datuk Ismail Abdullah (kiri) dan Setiausaha Tetap Datuk Asnimar Sukardi (belakang).



Sebahagian daripada 205 peserta yang mengikuti seminar berkenaan.

aktiviti lain yang berlaku di hutan dengan lebih kerap," katanya.

Menurutnya, teknologi itu juga membolehkan rakaman gambar dari udara dilakukan dengan lebih pantas dan jelas menerusi satelit berbanding

cara tradisional iaitu menggunakan pesawat.

Jelasnya, tahun lalu mereka telah mengadakan seminar yang di Sarawak dan turut berjaya menjalin kerjasama dengan beberapa jabatan di negeri itu.